

**Umno Mahu Rampas Semula Kerusi Parlimen Majoriti Peneroka Felda
Bernama
4 Januari , 2012**

PUTRAJAYA, 4 Jan (Bernama) -- Umno berhasrat merampas semula kerusi Parlimen yang mempunyai majoriti peneroka Felda pada Pilihan Raya Umum ke-13 ini, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata terdapat 54 kerusi Parlimen di tanah rancangan Felda atau 24 peratus daripada 222 kerusi.

"Hasrat kita ialah semua kawasan Parlimen yang kalah (pada pilihan raya lepas) kita nak menang kali ini, dan antaranya kawasan seperti Tanah Merah (Kelantan), Baling, Padang Terap dan Sik (Kedah)," katanya kepada pemberita di sini.

Mengenai strategi 'luar biasa' untuk memenangi kawasan majoriti Felda, beliau berkata "ia adalah satu rahsia".

Bagaimanapun, katanya, masyarakat Felda menerima baik langkah yang diambil Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam memajukan Felda.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=637999>